

## Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13: Faktor-Faktor Penentuan Kemenangan Di Sabah.

Haji Mohd Hamdan Haji Adnan & Mahat Jamal

Persekitaran politik Sabah umumnya disifatkan sebagai bank pengundi atau "simpanan tetap" oleh Kerajaan Persekutuan atau Barisan Nasional (BN). Perdana Menteri Dato' Seri Najib sendiri menyatakan bahawa Sabah adalah "simpanan tetap" politik BN. Najib menyatakan akan memelihara dan menambahbaik "simpanan tetap" tersebut untuk memastikan BN terus berkuasa. Malahan Pakatan Rakyat (PR) juga mengiktirafnya dan cuba menjadikannya sebagai salah satu strategi dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU ke-13) dalam usaha mereka menawan Putrajaya. Di Sabah terdapat 60 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan 25 kerusi parlimen untuk ditandingi. Dalam PRU ke-12 tahun 2008 BN menang 59 daripada 60 kerusi DUN dan 24 kerusi Parlimen. Bagaimanapun dengan keluarnya Parti Maju Sabah (SAPP) daripada BN menyebabkan BN kekurangan 2 kerusi Parlimen. Komposisi parti politik dalam DUN Sabah sebelum PRU ke-13 ialah BN 57 kerusi, SAPP 2 kerusi dan DAP 1 kerusi. Dalam PRU ke-13 BN mengekalkan 48 kerusi DUN, kalah 11 kerusi. PR memenangi 11 kerusi, dan parti baru tempatan Sabah, Parti Refomasi Negeri (State Reform Party, STAR) menang satu kerusi melalui Presidennya Datuk Dr. Jeffrey Kitingan. Sebuah lagi parti tempatan yang mempunyai dua kerusi sebelum PRU ke-13 tidak memenangi sebarang kerusi. Sangat menarik diperhatikan, parti pembangkang pada awalnya yakin mempunyai peluang menang lima puluh-lima puluh untuk menawan Sabah dalam memenuhi impian mereka membentuk Kerajaan Persekutuan. Semangat ini dikongsi bersama melalui blog-blog media sosial dalam internet. Bagaimanapun dengan promosi media perdana yang berterusan terhadap parti-parti pemerintah, gelombang kemenangan menyebelahi BN dibandingkan dengan PR. Kertas ini

membincangkan strategi-strategi dan isu-isu yang digunakan parti-parti politik semasa PRU ke-13 di Sabah. Kertas ini juga melihat impak pencerobohan penganas Suluk di Lahad Datu dan kecenderongan parti-parti politik mengeksploitasi insiden tersebut bagi manafaat politik mereka. Kajian ini menggunakan kaedah temuramah seramai 20 personaliti tempatan, 100 pelajar dan 100 pengundi di Kiulu, Tuaran. Dalam pertandingan kerusi DUN N. 12 Kiulu majoriti kemenangan BN hanya 44 undi dan pemenangnya dilabel sebagai YB 44 atau Yang Berhormat 44 atau Datuk 44.

### Pengenalan

Dalam Pilihan Raya Umum Ke 13 Malaysia, Sabah yang dikenali sebagai "Negeri di Bawah Bayu" menyaksikan angin perubahan seolah-olah bertiup terlalu kencang untuk parti pembangkang mencabar parti pemerintah bagi merealisasikan impian mereka menguasai Putrajaya. Sabah sewajarnya negeri yang harus diberi perhatian dalam PRU Malaysia ke-13. Pemimpin-pemimpin utama dari kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang kerap datang ke Sabah sebagai sebahagian program kempen pilihan raya mereka. Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN Dato' Seri Najib Razak (Najib) sering berulang alik dari Putrajaya ke Sabah untuk melawat daerah-daerah dianggap penting bagi kerajaan dan BN.

Ketua-ketua parti pembangkang yang dilihat sanggup melupakan sementara waktu gerakan berkempen di Semenanjung untuk datang menyokong parti gabungan pembangkang di Sabah seolah-olah memberi petunjuk bahawa PR mempunyai percaturan sendiri untuk menang besar dalam PRU ke-13 di Sabah. Pemimpin-pemimpin PR dari semenanjung, terutama Dato' Seri Anwar Ibrahim (Anwar) dan Lim Kit Siang turut mengikut langkah Najib sering melawat Sabah untuk berkempen.

Strategi kempen Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk bersiang dan menjatuhkan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib tertumpu kepada Sabah dan Sarawak yang disifatkan BN sebagai "simpanan tetap". Setiap kali Najib melawat sesuatu tempat di Sabah dan

Sarawak, Anwar akan mengikutnya untuk kononnya memadam pembohongan dan gembur-gembur Najib di samping mengemaskini masyarakat dengan suasana kedudukan politik yang sebenar. BN Sabah pula menghentam Anwar kerana dikatakan sanggup meninggalkan pengundi-pengundinya di kawasan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang, untuk memberi tumpuan lebih ke atas Sabah dan Sarawak. Anwar hanya mula berkempen di Permatang Pauh di saat-saat terakhir setelah selesai berkempen di Sabah dan Sarawak yang dilaporkan pembangkang menghadapi situasi 50:50. BN diramalkan tidak dapat mengatasi prestasinya seperti keputusan pada PRU ke-12 lalu disebabkan dalam siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terdapat pendedahan bahawa BN telah memasukkan nama pendatang tanpa izin ke dalam Daftar Pengundi.

Bagaimanapun, penganalisis politik berpendapat ada beberapa faktor yang membolehkan BN terus memerintah Sabah. Diantaranya ialah BN lebih padu dan bersatu menghadapi PRU ke-13 berbanding PR yang tidak sepakat di samping pergeseran sesama sendiri.

Walaupun sebelum pilihan raya berlangsung, terdapat saranan supaya parti-parti pembangkang harus sepadu dalam menentang BN dengan berlawan satu dengan satu, namun hanya kerusi DUN N.59 Tanjung Batu dan kerusi Parlimen P.186 Sandakan saja yang berbuat sedemikian. Ini membenarkan keyakinan bahawa Sabah secara umumnya memang disifatkan sebagai " simpanan tetap" oleh Kerajaan Persekutuan dan parti pemerintah. Terdapat sebanyak 60 kerusi DUN dan 25 kerusi Parlimen dipertandingkan. Dalam PRU-12 tahun 2008 Barisan Nasional memenangi 59 kerusi daripada 60 kerusi DUN dan 24 kerusi Parlimen.

Bagaimanapun, selepas Parti Maju Sabah (SAPP) menarik diri dari gabungan BN, kerusi BN kurang 2 dalam Dewan Undangan Negeri. Akibatnya, komposisi parti politik di Sabah dalam DUN Sabah sebelum pembubaran PRU ke-13 adalah sebanyak 57 kerusi, SAPP 2 dan DAP 1. Dalam PRU ke-13 BN mengekalkan 48 kerusi DUN dan kalah 11 kerusi. Pakatan Rakyat menang 11 kerusi, dengan Parti Refomasi Sabah (STAR) yang baru ditubuhkan menang 1 kerusi melalui Presidennya Datuk Dr Jeffrey Kitingan. Satu lagi parti tempatan Sabah, SAPP sebelum meninggalkan BN mempunyai dua kerusi tidak memperolehi sebarang kerusi kerusi DUNegeri ataupun Parlimen. Inilah senario politik

tempatan Sabah yang mungkin negeri yang mempunyai ramai pengundi dalam sejarah Pilihan Raya Sabah. Sebanyak 60 kerusi DUN dan 25 kerusi parlimen dipertandingkan pada PRU Sabah 2013 yang diadakan pada 5 Mei 2013 serentak dengan PRU ke-13 Malaysia.

### Latar Belakang

Sabah salah satu daripada 13 negeri di Malaysia mempunyai persekitaran politik yang unik. Bersama Sarawak, Singapura dan Malaya telah membentuk Negara Malaysia pada 16 September 1963. Setelah Singapura keluar dari Malaysia beberapa pimpinan politik di Sabah dan Sarawak, merasakan posisi dan hak istimewa Sabah dan Sarawak dalam persetujuan menyertai Malaysia pada tahun 1963 telah mula terhakis. Isu ini telah berterusan dibangkitkan, terutama di Sabah. Ia telah menjadi isu besar digunakan oleh parti-parti politik tempatan dalam berkempen PRUke-13, terutama oleh STAR dan SAPP.

Sebelum pembentukan Malaysia pada 1963, kerajaan sementara Borneo Utara mengemukakan Memorandum Perjanjian 20 perkara sebagai syarat Sabah menyertai Persekutuan Tanah Melayu bersama Sarawak dan Singapura untuk membentuk Negara Malaysia. Dewan Undangan Negeri Borneo Utara bersetuju Sabah menjadi sebagai rakan kongsi dalam pembentukan Malaysia dengan syarat hak istimewa negeri yang berdasarkan Perjanjian 20 perkara dilindungi. Dengan itu Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia berautonomi berdasarkan Perjanjian Malaysia 20 perkara pada tahun 1963. Di antara intipati Perjanjian 20 perkara Sabah ialah kedudukan dan hak istimewa orang asal Sabah; pertadbiran sendiri terhadap tanah, hutan dan kerajaan tempatan; kuasa ke atas kewangan, tabung pembangunan, dan cukai sendiri dan kuasa imgresen dari segi kemasukan seseorang ke negeri Sabah.

Bagaimanapun, bermula daripada pemerintahan fasa kedua pentadbiran Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) di bawah pimpinan Ketua Menteri Datuk Harris Salleh terdapat beberapa pandangan di kalangan rakyat Sabah bahawa autonomi Sabah beransur-ansur terhakis di bawah pengaruh dan dominasi kerajaan Persekutuan. Di antara pandangan awam yang diutarakan terutama sekali oleh parti pembangkang, ialah penyerahan Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 1984 dan perkongsian tidak seimbang terhadap eksploitasi sumber minyak kepunyaan Sabah. Ini <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

menimbulkan sentimen anti-persekutuan yang tebal, termasuklah sesekali desakan dari beberapa pihak untuk Sabah menarik diri daripada gagasan Malaysia. Ini juga menjadi faktor utama tumbanganya parti BERJAYA di tangan Parti Bersatu Sabah (PBS) kumpulan serpihan parti BERJAYA yang diketuai oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan yang telah terus meniupkan sentimen anti-persekutuan di samping kipasan parti-parti politik tempatan.

Dalam PRU ke-13, dua parti politik tempatan, STAR dan SAPP telah mengeksploit sentimen ini sepenuhnya. Bagaimanapun, parti-parti tempatan dalam gabungan BN, termasuk PBS yang telah memasuki semula BN pada 2002, setelah memerintah Sabah selama 9 tahun sejak (1985-2004), turut memperjuangkan supaya hak-hak Sabah terus dikekalkan, malah menafikan autonomi Sabah telah terhakis. Menurut mereka BN telah membuat yang terbaik bagi memastikan autonomi Sabah kekal utuh malah bertambah lebih baik. Dapat dilihat isu-isu utama yang dijaja parti-parti pembangkang dalam PRU ke-13 Sabah iaitu autonomi dan sentimen anti-persekutuan gagal memenangi hati pengundi. Malahan pimpinan parti SAPP gagal melihat hakikat ini dan terus mengeplotasi isu-isu berkenaan.

Bagaimanapun, Barisan Nasional yang memenangi PRU ke -13 dapat menangani kedua-dua isu berkenaan daripada terus diapi-apikan. Jika ditinggalkan tanpa penyelesaian isu-isu berkenaan akan terus menjadi masalah besar. Ini sudah tentu tidak baik untuk BN dan konsep 1Malaysia. Sabah, bersama dengan negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang, merupakan empat negeri yang pernah diperintah oleh parti pembangkang. PBS yang diketuai oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan, membentuk Kerajaan Negeri Sabah setelah memenangi Pilihan Raya Umum pada tahun 1985 dan memerintah Sabah selama sembilan tahun sehingga 1994. Walaupun menang Pilihan Raya Umum tahun 1994, BN dapat membentuk kerajaan apabila beberapa ahli PBS yang menang dalam pilihan raya berkenaan melompat ke parti BN.

Satu perkara unik dalam senario politik Sabah ialah sistem pengiliran Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Mahathir Mohamad pada tahun 1994. Jawatan Ketua Menteri Sabah digilirkan di kalangan parti campuran BN negeri bagi tempoh dua tahun. Dari segi teori ia memberi peluang yang sama kepada semua ketua utama gabungan parti BN memerintah Sabah. Bagaimanapun, dari segi amalan, sistem

ini tidak praktikal dan menimbulkan masalah. Ternyata, dua tahun terlalu singkat untuk seseorang Ketua Menteri membuat perancangan pembangunan Negeri Sabah. Amalan ini dimansuhkan dengan persetujuan majoriti persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah, didominasi Barisan Nasional yang dipimpin oleh UMNO.

Juga dapat dilihat, campur tangan langsung kerajaan Persekutuan mengundang angin perdebatan dalam senario politik Sabah. Misalnya, pengenalan dan pemansuhan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dibuat mengikut keselesaan UMNO; konflik PBS-BERJAYA pada 1985 dan penyerapan parti lawan ke dalam UMNO dilihat sebagai taktik dan helah digunakan Barisan Nasional untuk mengawal dan mengurustabir kuasa autonomi negeri. Bagaimanapun, kerajaan Persekutuan mempunyai justifikasi tersendiri kerana jika wujud semangat sempit kenegerian di kalangan ahli-ahli politik Sabah menjejaskan keharmonian pembangunan negara. Ini menimbulkan komplikasi hubungan persekutuan-negeri.

#### Komposisi Penduduk Sabah dan Implikasi Politiknya

Maklumat ke atas khalayak sasaran adalah penting dalam melaksanakan sebarang bentuk kempen. Ini termasuklah kempen pilihan raya. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk Sabah pada tahun 2010 ialah seramai 3,117,405. Komposisi rasmi dibahagikan kepada 32 kumpulan etnik, di mana 28 diiktiraf sebagai Bumiputera atau orang asal. Kumpulan terbesar terbesar ialah etnik Dusun 17.8% (555,647), diikuti oleh Bajau 14% (436,672), Melayu Brunei 5.71% (178,029), Murut 3.22% (100,631) dan kumpulan etnik lain 20.56% (640,964). Kumpulan etnik lain terdiri daripada suku Rungus, Iranun, Bisaya, Tatana, Lun Bawang/Lun Dayeh, Tindal, Tobilung, Kimaragang, Suluk, Ubian, Tagal, Timogun, Nabay, Kedayan, Orang Sungai, Makiang, Minokok, Mangka'ak, Lobu, Bonggi, Tidong, Bugis, Ida'an (Idahan), Begahak, Kagayan, Talantang, Tinagas, Banjar, Gana, Kujiau, Tombonuo, Dumpas, Peluan, Baukan, Sino, Jawa and Cocos. Dapat dilihat, dengan jumlah bilangan yang besar, Dusun mempunyai pengaruh politik yang lebih berbanding dengan kumpulan etnik lain dengan adanya sekurang-kurangnya tiga parti politik mempunyai keahlian dominan. Kumpulan terbesar bukan bumiputera pula ialah Cina 13.2% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Dialek utama Cina di Sabah ialah Hakka, diikuti Kantonis dan Hokien. Kebanyakan masyarakat Cina

tertumpu di pekan dan bandar-bandar besar seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Seperti dijangka, dalam PRU ke-13 Kota Kinabalu dan Sandakan dimenangi DAP. Fenomena sama berlaku di pekan dan bandar-bandar besar di Sarawak dan di negeri-negeri di Semenanjung. Di Sabah, Sandakan seperti lazimnya masyarakat Cina mempunyai pengaruh besar. BN telah memberikan kerusi berkenaan kepada Parti Liberal Demokratik (LDP), sebuah parti kecil tempatan Cina. Presidennya, Datuk Liew Vui Keong yang menang dalam PRU ke-12 kalah kepada DAP dalam PRU ke-13. Dalam kes ini faktor pemenang bukannya bangsa tetapi lebih kepada isu-isu atau manifesto PR yang dilihat lebih menarik daripada BN. Mungkin juga disebabkan faktor calon kerana kedua-dua calon P. 186 Sandakan adalah Cina.

Dapat dilihat beberapa kerusi negeri dan parlimen yang dirampas oleh parti pembangkang adalah di dalam kawasan dominasi kaum Dusun Kristian. Umpamanya, dari tiga kerusi parlimen yang dirampas pembangkang, dua berada di kawasan bandar majoriti Cina Sandakan dan Kota Kinabalu dan satu di Penampang, kawasan sub-bandar majoriti KadazanDusun. Daripada 12 kerusi negeri yang dimenangi oleh parti pembangkang, tiga dari kawasan dominasi Cina dan Sembilan di kawasan majoriti Dusun. Daripada 12 kerusi negeri dirampas pembangkang, 11 dimenangi parti dari Semenanjung. Hanya satu saja berasaskan parti Sabah, STAR menang satu kerusi negeri. Ia dimenangi oleh Presiden STAR, Datuk Dr Jeffrey Kitingan di Bingkor, Keningau. Satu lagi parti tempatan, SAPP pimpinan Datuk Yong Teck Lee, bekas Ketua Menteri Sabah kalah di kesemua kerusi dipertandingkan. Dengan ini, pengurangan kerusi negeri dimenangi Barisan Nasional (BN) tidak boleh disfatkan tsunami Cina, malah condong kepada tsunami Dusun. Malah, dapat dilihat undi China di Malaysia, terutamanya di kawasan Bandar lazimnya menyokong pembangkang, terutama parti DAP.

Terdapat sebanyak lebih kurang 1.5% (47,052) warganegara bukan bumiputera di Sabah. Sebahagiannya orang India berasal dari selatan Asia yang membentuk Parti Kongres Malaysia India (MIC) tetapi tidak pernah mengambil bahagian dalam sebarang pilihan raya. Ini kerana bilangan kaum India di Sabah terlalu kecil. Bilangan penduduk

bukan warganegara Malaysia (Filipina, Indonesia) yang sah di sisi undang-undang ialah 27.81% (867,190). Adalah sukar memberi anggaran bilangan sebenar pendatang tanpa izin, sama ada dari Filipina, Indonesia, Pakistan, dan lain-lain. Namun demikian, adalah sangat penting untuk terus memberi perhatian terhadap isu pendatang tanpa izin yang dikatakan mudah mendapat taraf warganegara seterusnya berhak mengundi. Ini jika tidak dibendung akan berterusan menjadi isu utama kerana ia dapat menentukan keputusan mana-mana pilihan raya di Sabah. Ini yang merisaukan penduduk tempatan Sabah dan boleh memberikan nilai tolak kepada BN.

Pertambahan penduduk Sabah daripada 651,304 pada tahun 1970 kepada 3,117,405 pada tahun 2010, melebihi 400 peratus kenaikan menjadi satu isu politik yang besar. Ini menjadikan Sabah yang sebelumnya mempunyai bilangan penduduk sedikit telah menjadi negeri ketiga teramai di Malaysia. Ini juga menjadikan Sabah mempunyai warganegara imigran dan pendatang tanpa izin teramai. Terdapat dakwaan kedatangan mereka mungkin dibiayai kerajaan Provinsi selatan Filipina dan Indonesia yang kebanyakannya beragama Islam kemudian diberikan kerakyatan Malaysia. Dakwaan tersebut menyebut, ianya dilakukan untuk mengekalkan kedudukan BN di Sabah kerana pendatang tanpa izin yang diberikan kerakyatan Malaysia umumnya beragama Islam menyebelahi BN.

Tidaklah menghairankan kaum pribumi Sabah, terutamanya penganut Kristian bertambah bimbang dengan perkembangan ini. Dalam demokrasi bilangan ramai menunjukkan tambahan kuasa. Kebimbangan disisih dan diketepikan dalam negeri sendiri boleh menjadi kenyataan. Seperti yang dijangka, pemimpin politik mereka, samaada dalam kerajaan atau pembangkang, berusaha memastikan supaya tidak dianak tiri dan diabaikan dalam negeri sendiri. Inilah yang menjadikan agenda utama dalam kempen-kempen pilihan raya mereka. Untuk meredakan kerisauan ini dan untuk menunjukkan kerajaan sensitif terhadap kebimbangan mereka, pada 1 Jun 2012, Perdana Menteri Dato' Seri Najib Razak telah mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu pendatang asing. Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) memulakan pendengaran awam pada 14 Januari 2013.



Bagaimanapun, sebahagian pihak mungkin menyatakan bahawa penubuhan RCI adalah sebagai jawapan pantas terhadap peletakan jawatan beberapa pemimpin utama BN yang lantang memprotes keenganan kerajaan persekutuan mengendalikan isu imigrasi Sabah. Seterusnya, pengkritik politik melihat ini sebagai gimik kempen politik yang tidak berupaya menyelesaikan isu tersebut sama sekali. Harapan masih tinggi atas keupayaan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) menyelesaikan masalah migran dan pendatang tanpa izin dan penyalahgunaan ke atasnya. Jika ia dapat membantu menyelesaikan isu ini sudah tentulah BN akan mendapat lebih banyak sokongan.

### Perkembangan Agama di Sabah dan Implikasi Politiknya

Isu agama dilihat sebagai salah satu isu penting dijadikan alat parti politik. Terutama sekali apabila melibatkan parti berdasarkan Islam seperti USNO (tidak lagi berfungsi) dan UMNO bukan saja di Sabah tetapi juga di negeri-negeri lain di Malaysia kecuali di Sarawak. UMNO pemimpin kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat percaya peningkatan masyarakat Islam di Sabah penting untuk kelangsungan dan penguasaan BN di Malaysia. Semenjak menjadi salah satu negeri yang sama-sama membentuk Malaysia pada tahun 1963, Sabah banyak mengalami perubahan penting termasuk komposisi agama. Ini dapat dilihat dalam peningkatan peratusan populasi Islam. Banci Sabah tahun 1960 menunjukkan peratusan Islam sebanyak 37.9%, 33.3% animisma atau agama tradisi, Kristian, 16.6% dan yang lain-lain 12.2% termasuklah Buddha, Konfucianisme, Taoism and Hindu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Banci yang dijalankan pada tahun 2010 menunjukkan komposisi agama di Sabah: -Islam sebanyak 65.4% (2,096,153), Kristian 26.6% (853,726), Buddha 6.1% (194,428) dan yang lain-lain termasuklah Hindu, Konfucianisme, Taoism dan agama-agama yang tidak diketahui dan tidak beragama (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Data yang diperolehi dalam banci 1960 kategori animisma (33.3%) tidak digunakan dalam tahun 2010. Ia telah dikeluarkan dan digantikan dengan Hindu, Konfucianisme dan Taoism. Ini menunjukkan, semakin sedikit pribumi mengamalkan agama tradisi sebaliknya ramai yang mungkin telah memeluk Islam dan Kristian selain tidak Buddha, Konfucianisme/Taoisma atau tidak mempunyai apa-apa agama. Sabah juga mengamalkan kebebasan beragama sama dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Bagaimanapun, mengikut Perlembagaan Persekutuan adalah menjadi kesalahan seseorang beragama Islam didakwa menukar agamanya kepada agama-agama lain. Jelas dilihat Islam agama mempunyai paling banyak pertambahan pengikut, dari 37.9% pada 1960 melonjak kepada 65.4% tahun 2010.

Pelbagai faktor dapat diberikan akibat peningkatan besar bilangan penganut Islam di Sabah. Pertama, walaupun Malaysia bukan sebuah negara Islam, dalam perlembagaan persekutuan Islam adalah agama rasmi Persekutuan Malaysia. Pada tahun 1973, USNO dibawah pimpinan Tun Mustapha bin Datu Harun telah meminda Perlembagaan Sabah menjadikan Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah. Kedua, ia disebabkan promosi Islam yang aktif. Ini juga sedikit sebanyak disebabkan kepimpinan Tun Mustapha bin Datu Harun sebagai pemimpin utama USNO yang menjadi Ketua Menteri. Beliau menubuhkan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) bagi menjalankan kegiatan dakwah Islamiah dengan menyemai nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam dibantu kerajaan persekutuan. Institusi agama Islam diberi perhatian lebih dalam pemberian dana. Bagi sesetengah pihak dalam konteks persekitaran politik ketika itu, adalah lebih bermanfaat menganut agama Islam berbanding agama lain.

Bagaimanapun, promosi aktif Islam di Sabah menimbulkan imej negatif terhadap Islam dan kerajaan negeri. Pelbagai tohmahan dilimpahkan sesetengah pihak termasuklah antara lain : tawaran jawatan dan pangkat untuk menarik kaum pribumi menukar agama kepada Islam; mereka yang menentang pengislaman disifatkan sebagai pihak pelampau dan menyeleweng; ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; mubaligh-mubaligh Kristian dikeluarkan dari Sabah untuk mengurangkan kegiatan mengkristiankan kaum pribumi di Sabah dan sebagainya. Pada waktu yang sama, ahli politik dan pentadbir Islam juga mendakwa penjajah British juga telah melakukan perkara yang sama semasa memerintah Sabah dahulu. Sebenarnya terdapat juga beberapa kakitangan kerajaan dan pelajar-pelajar Islam merasakan telah menjadi mangsa semasa pemerintahan kerajaan PBS. Sebahagian mereka mendakwa biasiswa mereka dibatalkan dan diberikan kepada pelajar-pelajar Kristian. Juga, mereka diberi jawatan yang tidak setimpal dengan kelayakan mereka sementara yang bukan Islam diberi jawatan yang lebih tinggi. Parti PBS, sebuah parti etnik Kadazan-Dusun mendakwa <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

dirinya sebagai parti Malaysia pelbagai kaum dengan misi mengawal auotonomi Sabah dan hak negeri, mempromosi prinsip-prinsip demokrasi, untuk kemajuan ekonomi, hak asasi manusia dan keadilan. Mereka yang dikatakan terlibat menjadi mangsa kerajaan PBS dahulu tidak mahu perkara ini berulang kembali kepada sesiapa saja.

Bagaimanapun, mereka yang telah mengucar-kacir pentadbiran negeri yang boleh disifatkan tindakan subersif seharusnya perlu disingkirkan. Walaupun Sabah mempunyai tahap toleransi beragama yang tinggi, dimana sesebuah keluarga berlainan kepercayaan dan agama boleh tinggal bersama di bawah satu bumbung tanpa masalah, tetapi apabila melibatkan bab politik, faktor agama masih dilihat sebagai alat memenangi hati pengundi. Umpamanya, UMNO didakwa mempunyai minat untuk meningkatkan lagi bilangan populasi Islam di Sabah sebagai langkah mengekalkan pengaruhnya di Sabah. Dalam PRU ke-13, fenomena yang didakwa oleh PR berlaku di seluruh negeri di Malaysia. Pribumi Kristian sebaliknya merasa bimbang bilangan pribumi Islam semakin cepat bertambah dan penduduk sabah baharu kebanyakannya beragama Islam. Dakwaan juga melihat bahawa rakyat Filipina Islam dan imigran Islam daripada Indonesia dan Pakistan yang memasuki ke Sabah sebagai pendatang izin pada tahun awal tahun 1990-an telah diberikan kad pengenalan untuk membantu menumbangkan kerajaan PBS. Sudah semestinyalah, kebimbangan pribumi Kristian mempunyai kebenaran. Perkara ini seharusnya diberi perhatian oleh semua parti politik bertanding di Sabah. Jika tidak ditangani dengan bijak wajar menjadi isu politik besar di Sabah. Ini sudah pasti akan dieksploitasikan oleh ahli politik dari kedua-dua parti-parti pemerintah dan pembangkang. Dalam konteks ini BN dikatakan merasa selamat dalam kawasan majoriti penduduk Islam dan merasa tidak selamat dalam kawasan majoriti Kristian. Hasil PRU ke-13 seolah-olah menggambarkan realiti ini dimana BN memenangi kesemua kawasan majoriti penduduk Islam dan hampir kesemua kerusi yang menangi oleh PR adalah di kawasan yang majoriti penduduk Kristian.

Perlu dicatat di sini bahawa parti tempatan dalam gabungan BN bekerja lebih keras untuk memenangi undi masyarakat Kristian. Umpamanya, Setiausaha Agung UPKO Wilfred MadiusTangau yang memimpin Jawatankuasa Operasi Tataba bagi membantu gereja-gereja di Sabah berkata, program tersebut diasaskan oleh tiga parti iaitu PBS, PBRS dan UPKO. Dana sejumlah RM4.5 juta untuk barangan keperluan diperolehi melalui <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

penajaan, diagihkan kepada 12 gereja di Sabah, berdasarkan keperluan sesuatu aktiviti. Gereja-gereja ini termasuklah gereja-gereja Anglican, Roman Catholic, Basel Christian, Sidang Injil Borneo, Pusat Calvary Charismatic, Gereja Methodist Sabah, Evangelical Mission Sabah, Gereja Protestant Sabah, Grace Chapel, Persatuan Baptist Sabah, Seventh Day Adventist dan Gereja True Jesus. Juga dilaporkan bahawa ahli Kristian dalam parti DAP telah juga berjaya menembusi gereja-gereja di Sabah berkempen untuk parti mereka dan juga PR. Bagaimanapun, masyarakat pribumi Kristian Sabah tidak senang dan tidak biasa dengan budaya pendekatan agresif dan kasar DAP dan mereka dan tidak mahu gereja dilibatkan dalam aktiviti kempen politik.

### Profil Parti-Parti Politik di Sabah

Profil parti-parti politik bertanding dalam PRU ke-13 adalah sangat menarik. Ia menggambarkan bagaimana strategi kempen dibentuk untuk memenangi hati pengundi. Dimulakan dengan Barisan Nasional, parti campuran kerajaan sebelum PRU-13. Di Sabah, komponen BN yang bertanding dalam PRU 13 dianggotai oleh UMNO, MCA, Gerakan, PBS, LDP), United Pasok momogun KadazandusunMurut Organisation (UPKO) and Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs). UMNO, MCA dan Gerakan adalah parti kebangsaan sementara parti-parti PBS, PBRs, LDP dan UPKO merupakan parti tempatan. Gabungan parti politik kebangsaan dan negeri memberi kelebihan kepada BN dibandingkan dengan Pakatan Rakyat (PKR, DAP dan PAS) yang pada umumnya digambarkan parti dari Malaya yang dilihat untuk menjajah Sabah oleh BN dan parti bebas yang bertanding. Bagaimanapun, dua pemenang parti pembangkang yang menang kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi kalah kerusi parlimen merupakan pemimpin BN yang kuat yang seterusnya membentuk kumpulan sendiri tetapi bertanding di bawah bendera PR. Kedua-dua bertanding di kawasan yang telah mereka wakili sekurang-kurangnya tiga penggal. Ini menunjukkan mereka masih lagi mempunyai pengaruh di kawasan masing-masing. Namun, kedua-dua pemimpin tersebut menang dengan majoriti berkurangan berbanding dengan apayang diperolehi pada PRU ke-12.

Parti politik tempatan yang bertanding bebas dalam PRU-13 termasuklah SAPP dan STAR menggunakan isu kemerdekaan Sabah terhakis dan isu tempatan yang lain telah dikalahkan dengan mudah. Hanya presiden STAR memenangi satu kerusi. SAPP yang

memenangi dua kerusi parlimen pada PRU-12, 8 Mac 2008 kalah di kesemua kerusi yang mereka ditandingi, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan pada PRU-13, walaupun presidennya, Datuk Yong Teck Lee pernah menjadi Ketua Menteri Sabah.

### Manifesto Pilihan Raya dan Janji-Janji Politik di Sabah

Kedua-dua Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat menggunakan manifesto masing-masing mengutarakan pandangan dan pendirian parti kepada umum. Kedua-dua manifesto dapat diperolehi dalam 6 bahasa: Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina, Tamil, Kadazan-Dusun dan Iban. Melalui manifesto, kedua-dua parti politik berjanji dan komited melaksanakan janji-janji mereka sekiranya diberi mandat membentuk kerajaan. Sebagai tambahan beberapa manifesto peringkat negeri juga dikeluarkan mengikut keperluan sesebuah negeri. Manifesto negeri menyentuh secara mendalam isu-isu yang relevan kepada pengundi tempatan.

Manifesto BN Sabah melengkapkan 'Janji dan Harapan' BN Pusat. Ia menyentuh sebanyak 16 komitmen bertujuan memacu pembangunan sosio-ekonomi negeri. In termasuklah meningkatkan tahap kehidupan masyarakat tempatan dan juga merapatkan jurang perbezaan di antara pembangunan bandar dan luar bandar. Seterusnya, termasuk rancangan kerajaan persekutuan membina lebuh raya Pan Borneo 2,300km bermula dari Sematan Sarawak, sehingga ke Serudung Sabah. Dengan pembinaan lebuh raya ini adalah dijangka dapat membuka banyak tanah pembangunan komersial, pada waktu yang sama dapat merapatkan jurang perbezaan di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Pengerusi BN Dato'Seri Najib Razak, seterusnya berjanji mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah kepada tiga peratus dalam masa lima tahun, jika kerajaan campurannya diberi mandat selepas pilihan raya 5 Mei. Kadar kemiskinan Sabah adalah 8.1 peratus dalam tahun 2012 dibandingkan dengan 19.7 peratus pada tahun 2009. Ini adalah isu yang penting di Sabah oleh kerana pada tahun 1970-an, Sabah berada di tempat kedua di belakang Selangor termasuk Kuala Lumpur sebagai negeri yang terkaya di Malaysia. Sejak tahun 2010, Sabah merupakan negeri yang termiskin di Malaysia. Pertumbuhan GDP growth ialah 2.4%, kadarterendah di Malaysia di belakang Kelantan.Kadar penduduk yang hidup di bawah RM3 se hari menurun dari 30% pada <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

tahun 1990 kepada 20% pada 2009. Bagaimanapun, Sabah masih ketinggalan dibandingkan dengan negeri-negeri lain telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan dari 17% pada tahun 1990 kepada 4% pada tahun 2009. Bagi penduduk Sabah, terutama pengundi di luar-luar bandar ini merupakan isu terpenting bagi mereka. Menunaikan janji bererti memastikan kemenangan pada pilihan raya akan datang. Melupakan janji mengundang hara-kiri politik. Inilah yang pengundi luar bandar persoalkan yang perlu ditangani.

Perdana Menteri Dato'Seri Najib, berjanji menambahkan beberapa lagi item baru dalam manifesto Akujanji BN, seperti pembinaan jalan baru sejauh 82km menghubungkan Kota Kinabalu ke Ranau, jalan alternatif ke daerah Ranau yang terkenal dengan kehebatan Gunung Kinabalu, warisan dunia pertama Malaysia, projek utama untuk penduduk Tenom bernilai RM11 juta dan pembinaan dua dewan SM Ken Hwa dan SMK Gunsanad di Keningau yang dinanti-nantikan oleh rakyat Sabah. Antara kritikan terhadap Manifesto BN termasuklah tidak menangani isu "polisi kabotej", tidak terdapat polisi yang jelas keatas bagaimana BN mengurangkan harga barangan bagi mereka yang dibebani dengan kenaikan harga barangan tinggi terutama sekali harga beras yang sering dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Harga barangan yang tinggi adalah tidak adil dan membebankan masyarakat terutamanya penduduk luar Bandar selama 20 tahun. Kempen manifesto Pakatan Rakyat (PR) untuk Sabah pula mengandungi janji-janji yang termasuk membentuk tahap kedua syarikat-syarikat minyak negara, meningkatkan royalti minyak sehingga 20% di samping mewujudkan peluang pekerjaan dan melindungi hak-hak negeri Sabah. Ia juga termasuk pembinaan lebuh raya menghubungkan Sabah and Sarawak di samping memperkenalkan Suruhanjaya Anti-Monopoli, Polisi-Rasuah dan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis. Setuernesnya, Pakatan berjanji melantik penduduk Sabahan mengetuai dan memimpin jabatan-jabatan kerajaan dalam negeri, di samping memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk Sabah memegang jabatan-jabatan kerajaan persekutuan. Sebahagian aspek manifesto pilihan raya Pakatan dipinjam dari pelan utama BukuJingga. Kritik BN terhadap manifesto PR ialah, jika ianya dilaksanakan kerajaan boleh menjadi bankrap.

STAR parti pimpinan Datuk Jeffrey Kitingan menginisiasi penubuhan United Borneo Alliance (UBA) untuk berhasrat menyatukan semua parti tempatan di Sabah <http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

dengan mempromosi 7 Agenda Borneo. Ia mengandungi tujuh permintaan seperti berikut:

- Desakan supaya Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu mekanisma bagi mematuhi Perjanjian Persekutuan Malaysia tahun 1963 terdiri daripada kementerian atau perbadanan untuk mencapai objektif-objektif dan tuntutan utama yang terkandung dalam Artikel VIII Persetujuan Malaysia 1963; dan memulihkan semula status konsep rakan kongsi Sabah dan Sarawak setanding dengan Persekutuan Malaya, termasuklah hak-hak dan keistimewaan dan peranan Sabah dan Sarawak berhubung dengan kuasa kewarganegaraan, pendaftaran dan imigresen;
- Desakan supaya formula pengagihan seimbang dan adil terhadap hasil negeri, termasuk melihat kembali peratusan hasil minyak mentah dan penyertaan lebih saksama wakil di Parlimen/Kabinet Persekutuan/Perundangan dan pentadbiran dan perkhidmatan diplomasi ;
- Desakan supaya menghormati pelaksanaan Hak Anak Negeri (Native Rights) dan Artikel 153 Pelembagaan Persekutuan;
- Desakan supaya Polisi Kabotej / Pengangkutan/Perdagangan yang mempunyai impak negatif ke atas negeri-negeri di Borneo dimansuhkan;
- Desakan supaya fokus haluan pembangunan ekonomi diubah memberi lebih tumpuan lebih kepada Sabah dan Sarawak termasuk mengurangkan jurang ekonomi dan digital di antara Malaya dan negeri-negeri di Borneo, Sabah dan Sarawak;
- Mengatasi masalah pendatang tanpa izin (PTI) / "Projek IC", masalah yang menjejaskan integriti negeri Sabah dan Sarawak termasuk mengenakan hukuman berat di segi undang-undang, isu kewarganegaraan kepada pendatang tanpa izin; dan
- Menyiasat kehadiran Agensi Pusat di Sabah / Sarawak, mempunyai pemilikan hak masyarakat tempatan. (STAR Homepage)

Ketujuh-tujuh poin tersebut seharusnya dapat memberi dampak yang lebih baik terhadap pengundi Sabah jika parti-parti tempatan seperti STAR dan SAPP bersatu. Dalam persetujuan parti gabungan PR semasa menyokong desakan yang dikemukakan tidak berupaya bersatu dengan STAR dan SAPP. Dengan itu, BN dengan bijak menggunakan ketidaksepakatan parti-parti politik pembangkang gagal mencapai persetujuan bersama dan dengan demikian tidak dapat mentadbir Sabah dengan baik. Kegagalan parti-parti pembangkang bersatu jelas memecahkan undi dan memberi kelebihan kepada BN. Pada waktu yang sama, gabungan parti BN berusaha sedaya mungkin menunjukkan bahawa mereka bersatu sepenuhnya dan komited memerintah Sabah. BN mendakwa Program Transformasi yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Razak telah mula mendatangkan hasil. Lagipun pemimpin-pemimpin BN mempamerkan kesepaduan yang mantap menghadapi PRU ke-13.

Manifesto Parti Maju Sabah (SAPP) dalam PRU ke-13 mengutamakan perubahan dan ingin mengembalikan haksebenar posisi Sabah dalam Malaysia. Ia akan menangani perkara-perkara:

- Semangat Persetujuan Malaysia
- Hak posisi sebenar Sabah sebagai rakan kongsi yang sama dalam Persekutuan Malaysia
- Hak dan keistimewaan Sabah dalam memilih pemimpin-pemimpin negeri
- Kawalan Sabah terhadap sumber-sumber negeri sendiri

Bagaimanapun, strategi kempen parti-parti tempatan STAR dan SAPP dilemahkan dengan dakwaan bahawa mereka sebenarnya agen BN untuk memastikan perpecahan undi bagi membolehkan BN supaya dapat kekal berkuasa. SAPP, misalnya didakwa telah diberikan sebanyak RM80 juta untuk bertanding di kesemua kerusi. Presiden SAPP seterusnya mengancam untuk mendakwa sesiapa yang membuat tuduhan beerkeaan. Bagaimanapun, kerosakan sudah berlaku. Presiden STAR juga dituduh sedemikian. Ini adalah bertujuan untuk mencemar nama baik dan melemahkan kredibiliti mereka. Namun demikian, Presiden STAR dapat mengatasi tuduhan tersebut dengan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri. Kejayaannya mengikut Datuk Jeffrey Kitingan disebabkan



beliau telah berkhidmat dengan baik di kawasan Bingkor. Dalam "MalaysiaToday" beliau dikatakan terkilan kenapa partinya boleh kalah dengan teruk. Beliau berkata kejayaan PR adalah hasil kempen yang dilaksanakannya.

### Sabah Sebagai Simpanan Tetap

Secara umum penduduk Sabah tidak merasa selesa apabila Perdana Menteri mendakwa Sabah merupakan simpanan tetap BN. Hakikatnya Sabah merupakan sebuah negeri termiskin di Malaysia. Dengan demikian, ia menjadi gurauan dan senjata utama bagi pembangkang menyindir BN, terutamanya Dato' Seri Najib. Namun demikian, berterusan menyatakan bahawa Sabah merupakan simpanan tetap Barisan Nasional. Ulasannya terhadap parti pembangkang telah berjaya bertapak di Sabah, Dato'Seri Najib berkata, itu adalah mainan politik pembangkang, direka untuk menarik sokongan pengundi dalam PRU ke-13. Beliau mengulangi: "Saya datang ke Sabah kerana ia adalah bank simpanan BN, dan seperti bank, apabila anda menyimpan duit, anda perlu memeriksanya sekali sekala." Beliau menekankan BN masih perlu bekerja keras kerana ternyata pembangkang sekarang lebih kuat dari sebelumnya dan kerajaan campuran pimpinannya tidak mengambil boleh mengambil mudah perkara ini.

### Keselamatan Sabah Sebagai Janji Kempen Pilihan Raya

Pencerobohan penganas Sulu ke Sabah sebaik sebelum berlangsung PUR ke-13 menimbulkan banyak pertanyaan mengenai kekuatan perlindungan dan keselamatan negeri Sabah. Insiden menyayat hati yang mengorbankan pegawai-pegawai keselamatan Malaysia dan juga penganas serta merta ini menjadi isu politik walaupun ia sepatutnya merupakan faktor menyatupadukan rakyat dan juga parti-parti politik tetapi sebaliknya masing-masing cuba meraih keuntungan atau faedah politik daripada insiden berkenaan. Kedua-dua parti pemerintah dan pembangkang mula tuduh-menuduh. Walaupun terdapat banyak soalan tidak terjawab terhadap pencerobohan dan keganasan dan ia terus menjadi mistri, kerajaan BN menunjukkan simpati yang tinggi kepada mangsa, orang awam dan pegawai-pegawai keselamatan yang terlibat. Ia serta merta bertindak mengambil langkah-langkah meningkatkan keselamatan dan membaiki ekonomiserta kesejahteraan kawasan terbabit. Najib berkata: "Rakyat telah menyaksikan komitmen BN dalam mempertahankan keselamatan kedaulatan Sabah semasa pencerobohan

penganas di Lahad Datu pada bulan Februari." Ini telah meyakinkan rakyat Sabah pendirian kita melindungi mereka dari sebarang ancaman." Katanya tindakan untuk menaikkan tahap keselamatan ke atas sepanjang 1,450km panjang kawasan ESSZONE memberi peransang keatas kebolehan mengumpul risikan keselamatan di samping menyekat sebarang pencerobohan yang berlaku. Zon Kawasan Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) meliputi 10 daerah dari Kudat sehingga ke Tawau di bawah Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM). Adalah dipercayai bahawa pengendalian berkesan dalam menangani krisis tersebut membantu BN memenangi hati pengundi untuk memenangi PRU ke-13. Persoalan yang dibangkitkan oleh sebahagian rakyat Sabah berhubung dengan kurangnya simpati terhadap pegawai keselamatan yang telah gugur walaupun mereka hanya menjalankan tugas mereka. Sebaliknya, pembangkang tidak dilihat menunjukkan simpati terhadap mangsa, orang awam dan anggota keselamatan. Sebaliknya mereka mendakwa BN, terutamanya UMNO bahawa insiden itu hanyalah sandiwara UMNO. Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kredibiliti PR.

#### Angin Perubahan Sabah Untuk PRU ke 13

Seruan perjuangan dalam PRU ke -13 "Negeri di Bawah Bayu" sebagai mana Sabah dikenali, telah menampakkan angin perubahan yang bertiup begitu kencang mencabar parti memerintah dalam usaha mimpi parti pembangkang menawan Putrajaya satu realiti. Seruan perjuangan "Ini Kalilah", menunjukkan sudah tiba masanya untuk menukar kerajaan, bermula dari Sabah yang dipopularkan oleh parti pembangkang menjadikan slogan kempen ini menjadi slogan berkesan termasuk di Semenanjung Malaysia. Sebenarnya terdapat beberapa lagu "Ini Kalilah" dalam bahasa kebangsaan dan tempatan, misalnya dalam dialek Dusun dinyanyikan penyanyi popular dan dilihat dapat mempengaruhi pengundi. Lagu-lagu kempen politik Sabah masih terdapat di You Tube. Impaknya adalah nyata apabila di beberapa kawasan Dusun yang terdapat persaingan sangat sengit, parti pembangkang telah berjaya memenangi beberapa kerusi.

## Penutup

Sebab utama kekalahan parti-parti pembangkang di Sabah ialah tidak ada kesepaduan sebenar di antara PR peringkat kebangsaan dengan dua parti pembangkang tempatan (SAPP & STAR). Kerjasama awal di antara mereka atas sebab menghadapi musuh yang sama, BN.

Kedua, terdapat percengahan objektif di antara PR kebangsaan dengan kedua-dua parti pembangkang tempatan menyebabkan tidak wujud pakatan padu untuk menumbangkan BN sama ada di peringkat negeri atau pusat. PR mahukan Putrajaya dan juga kerusi-kerusi negeri. SAPP dan STAR juga mahukan kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri dan juga kerusi-kerusi Parlimen. Apabila PR bertanding di semua kerusi Dewan Undangan Negeri sudah tentu SAPP dan STAR tidak senang hati. Tanpa kepercayaan dan perpaduan sebenar di kalangan mereka, keinginan memenangi banyak kerusi adalah tipis. Ketidakespaduan dan ketidakpercayaan yang wujud di kalangan mereka memberi manfaat kepada BN. Bagi kebanyakan rakyat Sabah jika pembangkang tidak ikhlas dalam hubungan di antara mereka, mana mungkin mereka boleh berlaku jujur kepada pengundi-pengundi mereka.

Ketiga, PR merasa lebih tinggi daripada SAPP dan STAR. Kelihatan mereka yang menentukan terma-terma perjanjian ke atas kedua-dua parti terbabit. Kedua-dua parti yang mendakwa memperjuangkan hak rakyat Sabah tidak berbuat demikian malah kelihatan tidak bermaya. Apabila kedua-dua parti berkenaan membawa haluan masing-masing, imej perjuangan mereka kelihatan terhakis. Akibatnya, mereka menang satu kerusi saja berbanding dengan PR, sebelas kerusi. Sebagai rekod dalam PRU ke-13, SAPP bertanding 8 kerusi Parlimen dan hilang wang pertaruhan di kesemua kawasan. SAPP yang turut bertanding dalam 41 kerusi Dewan Undang Negeri, hilang wang pertaruhan di 37 kawasan. Ketua SAPP Datuk Yong Teck Lee sendiri hampir hilang wang pertaruhan dengan hanya mempunyai kelebihan 40 undi. Bagi STAR, yang bertanding dalam 20 kerusi Parlimen, hilang wang pertaruhan di 18 kawasan. Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri pula, STAR bertanding 49 kawasan dan hilang wang pertaruhan di 42 kawasan. Seperti sedia maklum, hanya ketua STAR Datuk Jeffrey Kitingan menang satu kerusi.

Dengan demikian, peringatan pemimpin-pemimpin utama Sabah seperti Tan Sri Simon Sipaun hanya satu cara untuk pembangkang menang pilihan raya di Sabah ia itu dengan perpaduan sebenar, satu lawan satu tetapi tidak diendah mereka. Ini disebabkan terdapat perbezaan di kalangan mereka dan sikap terhadap sesama sendiri berkesudahan perpaduan sebenar tidak tercapai.

Apabila tidak dapat bertolak ansur di atas perbezaan dan sikap tidak berubah, kemungkinan berpadu dalam satu bendera menghadapi musuh utama sukar dilaksanakan. Tanpa perpaduan utuh dan saling mempercayai di antara satu dengan lain impian menerajui kerajaan negeri hanya tinggal mimpi, apa lagi merampas Putrajaya. Lim Kit Siang pemimpin DAP berkata dalam bloknnya setelah PRU ke-13 selesai, " Untuk Sabah, kewujudan Dewan Negeri yang kuat dan hidup telah dikembalikan kepada Dewan Undangan Negeri Sabah setelah hilang selama dua dekad, dengan 11 Ahli Dewan Undangan Negeri dari Pakatan Rakyat (DAP 4 dan PKR 7) dan satu dari STAR (KIT SIANG SPEAKS: Ahad, 9 Jun 2013, 10.10 pagi). Beliau mendakwa dalam PRU ke-13 Sabah, tidak ada yang silap terhadap kempen strategi PR. Lim Kit Siang seterusnya berkata walaupun PR tidak mencapai obektif asal memenangi satu pertiga dari 25 kerusi Parlimen di Sabah, negeri tersebut tidak sudah boleh lagi disifatkan "simpanan tetap BN". Lim mendakwa jika pembangkang sepenuhnya besatu padu kemungkinan BN kalah di 11 kerusi Parlimen dan 26 kerusi Dewan Undangan Negeri (The Malaysian Insider, 30 Jun 2013). Bagaimanapun, dalam menerangkan strategi PRU ke-14 tidak disebut untuk cuba bekerja sama dengan kedua-dua parti pembangkang negeri (SAPP dan STAR). Ini boleh dilihat oleh masyarakat Sabah sebagai parti Malaya yang sombong dan mensifatkan dua-dua parti pembangkang tempatan Sabah tidak relevan dan tidak bermakna bagi mereka. BN, sekurang-kurangnya mempunyai pelbagai parti tempatan di Sabah, walaupun UMNO dari Semenanjung dilihat sebagai rakan parti yang dominan.

Dalam PRU ke-13, strategi kempen BN berjanji membawa banyak lagi pembangunan untuk Sabah sebagai ganjaran. Ini termasuklah Program Tranformasi Kerajaan (GTP) menumpukan perhatian tujuh bidang utama melibatkan rakyat, menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi selaras dengan visi 2020 dan cogan kata " Rakyat didahulukan dan pencapaian diutamakan" sebagai dasar tranformasi Malaysia.

<http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

Dapat dilihat dengan jelas, prioriti utama Sabah khususnya di luar bandar dan pedalaman mahukan banyak pembangunan. Terutamanya kemudahan asas seperti bekalan air, api, jalan raya, klinik, sekolah dan lain-lain. Bagaimanapun, jika BN gagal menunaikan janji-janjinya PRU ke-14 merupakan perjuangan pendakian yang sukar. Daripada 100 pengundi di Kiulu, 85% mahukan pembangunan. Ini termasuk yang muda dan tua. Lebih 80% belia mahukan perubahan kerana pembangunan dijanjikan kepada mereka datang agak lambat. Untuk itu, 60% berkata mereka akan mengundi "Ini kalilah" atau memilih PR atau parti-parti pembangkang lain seperti STAR dan SAPP. Kemenangan BN di Kiulu hanya dengan majoriti 44 undi. Jika pemenang BN tidak berusaha menepati janji partinya, beliau mungkin boleh ungkapkan sayonara kepada kawasan tersebut pada PRU ke-14.

Dengan demikian, strategi kempen BN untuk PRU ke-14 ialah memastikan janji-janji kepada pengundi ditepati. Isu-isu lain di mainkan parti-parti pembangkang termasuklah hak negeri Sabah tidak mendatangkan impak signifikan jika pengundi melihat kemajuan dilaksanakan. Bagaimanapun, BN hendaklah menangani dengan telus dan adil, isu-isu utama seperti ramainya pendatang haram mendapat kewarganegaraan dengan mudah di samping hak-hak-hak istimewa negeri Sabah bagi memenuhi kehendak rakyat Sabah, agar ia tidak menjadi isu berterusan diperjuangkan parti-parti pembangkang.

### Rujukan

Boon KhengCheah (2002). Malaysia: The Making Of A Nation. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Buckley C. (1968). A School History of Sabah. London: Macmillan & Co. Ltd.

Doolittle, Amity A. (2007). Property And Politics In Sabah, Malaysia. Seattle: University of Washington.

Ramanathan, Sankaran&Mohd Hamdan Adnan (1988). Malaysia's 1986 General Election: The Urban-Rural Dichotomy. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

<http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/pru13.pdf>

Population and Housing Census of Malaysia (2010). Kuala Lumpur: Department of Statistics, Malaysia.

Regina Lim(2008). Federal-state Relations in Sabah, Malaysia: The Berjaya Administration, 1976-85. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Tilman, Robert Oliver (1976). In Quest of Unity: The Centralization Theme in Malaysian Federal-State Relations .1957-75.Singapore:Institute of Southeast Asian Studies.

Total population by ethnic group, administrative district and state, Malaysia (2010).Kuala Lumpur: Department of Statistics Malaysia.